

Meterai MoU

Sinar Harian - 6/3/2019 m/05 15


**Malaysia-Brunei
jalin kerjasama
pergerakan
tahanan**

PUTRAJAYA

Malaysia dan Brunei Darussalam memeterai memorandum persefahaman (MoU) mengenai pergerakan tahanan dari kedua-dua negara, semalam.

MoU itu melibatkan pemindahan dan iring kawal banduan atau tahanan dari Sabah dan Sarawak melalui Brunei Darussalam, serta pemindahan dan iring kawal banduan atau tahanan dari Brunei Darussalam melalui Sabah dan Sarawak.

Majlis menandatangani



Dr Mahathir bersama Sultan Hassanal Bolkiah di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra, semalam.

MoU itu disaksikan oleh Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah dan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Perdana Putra, di sini.

Malaysia diwakili Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, manakala Brunei Darussalam diwakili rakan sejawatnya Datuk Seri Setia Dr Awang

Abu Bakar Apong.

Hadir sama, Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; dan Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu.

Terdahulu, Sultan Hassanal Bolkiah mengadakan pertemuan sulung dengan Dr Mahathir di bawah rangka kerja Perundingan Tahanan Pemimpin Malaysia-Brunei.

Pertemuan lebih satu jam itu antara lain membincangkan hubungan dua hala dan isu melibatkan kepentingan bersama.

Sultan Hassanal Bolkiah berangkat tiba di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang, kelmarin, bagi lawatan dua hari ke Malaysia. - Bernama